



BAN pecah menyebabkan air laut terus melimpah ke rumah penduduk di Jalan Kebun Baru, Klang.

FENOMENA AIR PASANG BESAR

SAWAH AIR MASIN

■ Air pasang dijangka berlaku lagi petang ini atau esok

Zuliaty Zulkiffi
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Fenomena air pasang besar kedua sejak Ahad lalu menyebabkan penduduk di Kampung Padang Garam, Kuala Kedah, di sini, mengalami kerugian apabila lebih 10 hektar sawah rosak dimasuki air laut. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung

Padang Garam, Mohd Huzaidi Md Hussin berkata, kerosakan itu hanya membatikan sebahagian kecil sawah yang berhampiran dengan pantai berbanding kejadian pertama bulan lalu yang membatikan lebih 30 hektar sawah. Beliau berkata, walaupun kerosakan kali ini tidak banyak namun kesan daripada fenomena pertama yang

berlaku pada 20 September lalu menjejaskan mata pencarian penduduk yang kebanyakannya adalah petani. "Kejadian kali ini, air laut baru melintas kawasan sungai dan memasuki petak sawah, tetapi kita tidak tahu apa yang akan berlaku kerana berdasarkan jangkaan, fenomena air laut pasang ini akan berakhir esok (hari ini).

“Berdasarkan deruan ombak yang kuat, kita menjangkakan air pasang ini akan berlaku lagi mungkin petang ini atau esok dan sekiranya hujan lebat disertai angin kencang, ombak akan terus bergelora malah akan memburukkan lagi keadaan.”
Mohd Huzaidi Md Hussin

“Berdasarkan deruan ombak yang kuat, kita menjangkakan air pasang ini akan berlaku lagi mungkin petang ini atau esok dan sekiranya hujan lebat disertai angin kencang, ombak akan terus bergelora malah akan memburukkan lagi keadaan.”
Mohd Huzaidi Md Hussin

seperti sedia kala,” katanya ketika ditemui, di sini, semalam. Mohd Huzaidi berkata, fenomena air pasang besar kedua yang berlaku sejak Ahad lalu itu turut menyebabkan tiga atau empat rumah dinaiki air, tetapi surut semula selepas beberapa jam. “Air pasang hanya berlaku sekitar jam 1 atau 2 pagi dan surut kira-kira empat jam kemudian, namun ia berbahaya kepada penduduk kerana kebanyakan sedang ti-

dur ketika itu. “Bagaimanapun saya sudah memaklumkan kepada penduduk supaya berhati-hati dan tidur di tempat atas bagi mengelakkan sebarang kemungkinan berlaku terutama mereka yang mempunyai anak kecil dan warga emas,” katanya. Katanya, semua 20 keluarga di kampung itu juga bersedia sedia berpindah ke pusat pemindahan sementara berhampiran kawasan itu sekiranya air pasang besar berlaku lagi yang mengakibatkan banjir berlaku. Penduduk, Sofiah Ismail, 59, berkata, dia yang tinggal bersama ibu bapanya, Sariyah Abdullah, 79, dan Ismail

Awang, 79, tidak sempat mengangkut enam almari kayu, mesin basuh dan peti ais yang ditenggelami air laut awal pagi semalam. “Walaupun kejadian ini tidak seteruk seperti dijangka, namun kami sentiasa berhati-hati kerana bimbang air laut besar datang secara tiba-tiba yang akan menyebabkan banjir teruk. “Kedudukan rumah kami dengan pantai hanya kira-kira 150 meter dan saya perlu menyelamatkan dokumen penting di tingkat atas rumah dan bersedia berpindah sekiranya air melebihi paras bahaya namun setakat ini ia masih terkawal,” katanya.



Penduduk diminta kekal waspada

Kuala Lumpur: Penduduk yang tinggal berdekatan kawasan pantai dan berisiko tinggi di sekitar Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor dinasihatkan kekal berwaspada walaupun trend fenomena air pasang besar diramalkan

kerana fenomena itu dipengaruhi faktor keadaan cuaca seperti angin kencang dan ombak besar. Menurut beliau, kejadian air pasang surut adalah perkara normal yang berlaku apabila kedudukan orbit bulan (penuh atau



PELANCONG dari Australia melihat keadaan air di persisiran pantai Tanjung Gemuk, Port Dickson susulan fenomena air pasang besar yang melanda di beberapa kawasan di pantai barat.